

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA / LEMBAGA BIDAN MALAYSIA  
UNIT PEPERIKSAAN**

**TERMA RUJUKAN**

**PEGAWAI PEMANTAU PEPERIKSAAN**

1. Pegawai Pemantau Peperiksaan adalah Jururawat gred U36 dan ke atas atau Jururawat gred U32 yang mempunyai Ijazah dalam bidang kejururawatan.
2. Pegawai Pemantau **telah menghadiri Taklimat** Untuk Pegawai Pemantau yang dianjurkan oleh Bahagian Kejururawatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan ditauliahkan oleh Lembaga Jururawat Malaysia.
3. Pegawai Pemantau akan diberi surat lantikan sebagai Pegawai Pemantau dari Lembaga Jururawat Malaysia sebelum dibenarkan menjalankan tugas pemantauan.
4. Pegawai Pemantau hendaklah **telus dan berintegriti** dalam melaksanakan tanggungjawab serta **tidak ada pentingan dengan kolej yang dipantau**.
5. Pegawai Pemantau hendaklah **merahsiakan perlantikan dan penempatan** pusat peperiksaan yang akan dipantau dari pengetahuan pihak kolej sehingga sehari sebelum peperiksaan.
6. Pegawai Pemantau hendaklah **mengemukakan surat iringan** dari Lembaga Jururawat bagi memaklumkan pihak kolej berkenaan pemantauan yang akan dilakukan sehari sebelum tarikh peperiksaan dimana taklimat peperiksaan akan dilakukan oleh Ketua Pengawas Peperiksaan
7. Pegawai Pemantau hendaklah menjalankan tugas pemantauan **sebelum, semasa dan selepas** peperiksaan di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan sehingga tamat proses pengendalian peperiksaan.
8. Pegawai Pemantau hendaklah menjalankan tugas berpandukan senarai semak pemantauan yang akan dilampirkan bersama sama surat lantikan.
9. Pegawai Pemantau hendaklah menyediakan laporan pemantauan dan mengemukakan kepada LJM/LBM dalam tempoh **7 hari** bekerja selepas tarikh peperiksaan.